

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/1994

Oktober/November 1993

BET 451 - ENTOMOLOGI PERUBATAN & DOMESTIK

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BET 451/3)

1. (a) Huraikan ciri penting untuk Order Diptera. Dengan menggunakan famili yang tertentu, bincangkan filogeni dan evolusi dalam order ini.

(10 markah)

- (b) Famili Culicidae dianggap famili serangga yang terpenting dari segi transmisi penyakit tropika. Bincangkan ciri-ciri taksonomi penting untuk membezakan tiga subfamili dalam famili ini.

(10 markah)

2. Senaraikan order dan famili yang penting sebagai perosak perubatan dan domestik. Dengan mengecualikan order Diptera, bincangkan order dan famili tersebut dari segi transmisi penyakit dan penglibatannya sebagai vektor.

(20 markah)

3. (a) Bincangkan penglibatan vektor untuk penyakit utama manusia di Malaysia. Terangkan kaedah kawalan yang sednag dijalankan untuk kawalan setiap penyakit.

(10 markah)

- (b) Pada pendapat anda, bagaimana kaedah tersebut dapat diperbaiki untuk mengurangkan bilangan kes penyakit di atas?

(10 markah)

.../3-

(BET 451/3)

4. (a) Terangkan sifat-sifat yang unik bagi bekas menyimpan hasil simpanan. Bincangkan penyesuaian biologi perosak serangga utama untuk terus hidup dalam keadaan tersebut.

(10 markah)

- (b) Bincangkan kaedah-kaedah yang biasa digunakan untuk pengawalan serangga hasil simpanan di Malaysia.

(10 markah)

5. Penyakit filariasis telah dianggap sebagai salah satu penyakit bawaan vektor yang utama di dunia ini. Huraikan tentang jenis, taburan, penglibatan vektor parasit dan kaedah pengawalan untuk setiap jenis penyakit filariasis tersebut.

(20 markah)

6. Tuliskan nota biologi untuk setiap tajuk yang berikut:-

- (a) Penyakit Miasis
- (b) Tempoh pendam bagi transmisi penyakit
- (c) Entomophobia
- (d) Penyakit Leishmaniasis
- (e) Penyakit "scrub typhus"

(20 markah)

-ooo0ooo-